

# Dialog UniMAP - Hatyai



**5 Januari 2008** - Kerjasama Universiti Hatyai (HU) dan UniMAP sekali lagi melangkah setapak ke hadapan dengan kedua-dua institusi berkongsi pengalaman tentang pengendalian proses dan sistem pendidikan tinggi, khususnya dalam pentadbiran program sangkutan pelajar, kebajikan pelajar, dan perhubungan awam. Seramai tujuh orang delegasi dari HU yang di ketuai oleh Cik Suwaree Suppibulpon (Pengarah Pusat Hal Ehwal Antarabangsa, Section Office of Policy and Budgets) telah melawat UniMAP hari ini. Wakil daripada Pusat Hal Ehwal

Antarabangsa, Pusat Kerjasama Industri dan Kolej Kediaman UniMAP turut serta dalam perbincangan tersebut. "Lawatan ini lebih kepada lawatan persahabatan kepada UniMAP.

Tujuan kami ke sini adalah untuk bertukar pendapat dan kami amat gembira dapat melawat UniMAP. Terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan oleh pihak UniMAP untuk perbincangan pada hari ini, termasuk lawatan ke Kuala Lumpur baru-baru ini yang telah dianjurkan oleh UniMAP." kata Suwaree.

gembira dapat melawat UniMAP. Terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan oleh pihak UniMAP untuk perbincangan pada hari ini, termasuk lawatan ke Kuala Lumpur baru-baru ini yang telah dianjurkan oleh UniMAP." kata Suwaree.

Pihak delegasi HU tealh berkesempatan melawat makmal-makmal di Kuala Perlis dan juga pejabat unit Pusat Hal Ehwal Antarabangsa. Delegasi HU juga turut dibawa ke Pusat ICT di mana satu perbincangan kecil mengenai aktiviti yang sedang dilakukan oleh pelajar praktikal di unit ini diadakan.

